

BERITA HARIAN

DATE: 08 / 04 / 2008

Dr Mahathir tak patut serang Pak Lah: Karpal

KUALA LUMPUR: Selepas persaraannya sebagai Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad seharusnya berundur dengan penuh penghormatan dan bukan menyerang kerajaan serta penggantian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kata pengerusi DAP Karpal Singh.

Ahli politik veteran itu dalam satu kenyataan semalam berkata Dr Mahathir seharusnya mengambil peranan sebagai seorang negarawan dan bukan menyerang Umno yang pendaftarannya dibubarkan pada 1988 berpunca daripada Dr Mahathir sendiri.

Katanya Dr Mahathir seharusnya menjadi orang terakhir menyerang Abdullah.

Beliau berkata Dr Mahathir memiliki banyak 'kesalahan politik' dan tidak seharusnya membuka pekung di dada.

Karpal berkata beliau berpuas hati dengan kenyataan Abdullah semalam bahawa Dr Mahathir adalah orang yang bertanggungjawab dalam Operasi Lalang yang menyaksikan 106 orang, termasuk Karpal ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1987.

BH-8/4/2008
"Pendedahan ini membawa kepada tumpuan penuh terhadap keperluan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyalahgunakan kuasa Dr Mahathir dalam melaksanakan Operasi Lalang yang mencetuskan bantahan dalam negara dan antarabangsa," katanya.

Karpal berkata Dr Mahathir melancarkan Operasi Lalang bagi memesongkan perhatian ramai daripada cabaran kepemimpinannya oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Sementara itu dalam satu kenyataan berasingan, Karpal berkata publisiti negatif Malaysia berhubung Sufiah Yusof, pelajar pintar matematik yang menjadi pelacur di Britain, menyebabkan imej negara tercalar.

Beliau berkata apa yang perlu dilakukan adalah mencari punca bagi melihat apa yang menyebabkan gadis berumur 23 tahun itu tenggelam dalam lembah pelacuran.

"Saya minta Perdana Menteri mengarahkan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain menemui Sufiah dan mencari jalan membawa beliau kembali ke landasan betul. Jelas sekali Sufiah memerlukan rawatan psikiatri," katanya. - Bernama